



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 23

5hb November 2020

*TAMBAHAN No. 20
PERUNDANGAN*

J. P.U. 52.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Taman awam dan kawasan lapang

BAHAGIAN II
LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

4. Kesalahan-kesalahan
5. Kemasukan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ke dalam taman
6. Kemasukan anjing dan binatang
7. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang
8. Kenderaan bermotor melebihi dua tan dilarang
9. Meletak kenderaan sembarangan dilarang

BAHAGIAN III
PENGUATKUASAAN

10. Berkelakuan tidak sopan
11. Larangan masuk pada waktu-waktu tertentu
12. Penutupan taman
13. Kuasa menangkap
14. Kuasa menyita
15. Pendakwaan
16. Pengkompaunan kesalahan
17. Penalti



18. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
19. Pemansuhan

JADUAL

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru;

“kanak-kanak” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*];

“kenderaan bermotor” ertinya setiap jenis kenderaan yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan untuk membolehkannya digunakan di atas jalan dan termasuklah trailer;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Johor Bahru;

“struktur” ertinya apa-apa bangunan, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa binaan lain daripada apa-apa jua bahan.

“taman” termasuklah mana-mana kawasan perumahan, taman bunga, kawasan lapang, kaki siar, tasik, lorong basikal, taman rekreasi atau hiburan atau padang permainan, bulatan lalu lintas, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, sungai, anak sungai, tebing sungai atau sebarang tanah lain yang diselenggara oleh Majlis;

“tempat awam” termasuklah tiap-tiap jalan raya awam, lebuhraya, jambatan, medan, lorong-lorong, jalan kaki, siar kaki, perarakan, dermaga, jeti, pengkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit, taliair, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana dikenakan pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang ramai bebas masuk termasuk tandas awam, pondok menunggu bas dan teksi, pondok telefon, perhentian bas dan perhentian teksi; dan

“tumbuh-tumbuhan” termasuklah pokok-pokok renik, pokok-pokok yang memanjat serta melilit, pokok-pokok menjalar, pokok-pokok pagar, resam, bunga-bunga atau rumput halaman.

Taman awam dan kawasan lapang

3. Bagi tujuan Undang-undang Kecil ini, tafsiran “taman” termasuklah taman awam dan kawasan lapang di bawah penyelenggaraan Majlis seperti dinyatakan dalam Jadual.

BAHAGIAN II

LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

Kesalahan-kesalahan

4. Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana taman yang—
 - (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalam taman itu;
 - (b) membawa bersama atau melekatkan sebarang bil, pelekat, notis, sepanduk, bendera atau iklan kepada atau di atas mana-mana dinding, pokok, pagar atau struktur;

- (c) menggunakan mana-mana pelaung, pembesar suara, sistem yang digunakan untuk bercakap kepada orang ramai atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, peralatan tempat permainan kanak-kanak atau peralatan-peralatan lain;
- (e) membuang atau meletakkan benda kotor, benda buangan atau sampah sarap;
- (f) memanjat mana-mana dinding, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau menolak basikal, basikal beroda tiga atau memandu kenderaan bermotor di atas mana-mana kawasan berumput atau lorong pejalan kaki;
- (h) berjalan di atas batas-batas bunga atau rumpun-rumpun pokok renik;
- (i) memotong, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana tumbuh-tumbuhan, benih atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana tanah berumput atau menggali mana-mana tanah;
- (k) membaling atau melempar mana-mana batu atau pelembar lain;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam, tasik atau anak sungai melainkan di tempat mandi yang ditetapkan oleh Datuk Bandar bagi maksud itu;
- (m) menggunakan sampan atau kenderaan air yang lain atau memancing atau mengadakan sebarang jenis sukan air di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis Datuk Bandar atau mengganggu dengan apa-apa cara pun akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;
- (n) menyalakan api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa kebenaran yang sah mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu;
- (o) menerbangkan layang-layang atau bermain bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (p) berumur melebihi 12 tahun, menggunakan peralatan permainan taman kanak-kanak;

- (q) membasuh atau mengeringkan apa-apa benda atau memukul hamparan atau tikar;
- (r) mendirikan struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar;
- (s) mempamerkan, mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat tertentu dan di upacara tertentu yang diluluskan oleh Datuk Bandar;
- (t) berkhotbah atau bersyarah di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi tujuan mengadakan atau mengambil bahagian dalam mana-mana perjumpaan agama, politik atau mana-mana perjumpaan lain atau membuat mana-mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu;
- (u) menggunakan bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;
- (v) menghalang mana-mana pegawai atau pekerja Majlis dalam menjalankan dan melaksanakan tugasnya;
- (w) melibatkan diri dalam menjaga atau membasuh kenderaan bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu;
- (x) membawa, memegang, memiliki apa-apa jenis minuman keras, arak atau yang memabukkan;
- (y) meminum apa-apa jenis minuman keras, arak atau minuman yang memabukkan;
- (z) melakukan apa-apa juga kesalahan di bawah mana-mana Akta yang sedang berkuat kuasa di Malaysia termasuk mana-mana Undang-undang Kecil, Perintah, Kaedah atau Peraturan yang diperbuat di bawahnya; dan
- (aa) di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah, menyebabkan tidak berdaya mengawal diri dan boleh menyebabkan kecederaan, kemalangan atau kematian kepada mana-mana orang yang berada di kawasan tersebut.

adalah melakukan suatu kesalahan.

Kemasukan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun ke dalam taman

5. Tiada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dibenarkan masuk atau/ dan berada di dalam sesuatu taman melainkan dengan pengawasan ibu bapa, penjaga, orang dewasa atau lain-lain.

Kemasukan anjing atau binatang

6. (1) Tiada sesiapa boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di bawah jagaannya untuk memasuki atau tinggal di dalam mana-mana taman kecuali anjing atau binatang lain yang dirantai atau dikawal dengan sesuai olehnya.

(2) Jika sesuatu notis telah dilekatkan oleh Datuk Bandar melarang anjing dari memasuki mana-mana taman, tiada sesiapa boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang

7. (1) Tiada sesiapa boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki apa-apa perkakas bagi memerangkap binatang atau burung.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis atau pegawai polis boleh merampas alat atau perkakas seperti itu daripada mana-mana orang yang dijumpai di dalam taman.

(3) Datuk Bandar boleh mengarahkan pelupusan alat atau perkakas yang dirampas itu dengan kaedah sebagaimana difikirkan patut dan munasabah.

Kenderaan bermotor melebihi dua tan dilarang

8. (1) Kenderaan bermotor selain kepunyaan Kerajaan atau badan-badan berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan metrik tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor yang melanggar peruntukan perenggan (1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Datuk Bandar.

(3) Tiap-tiap kenderaan bermotor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan tersebut.

Meletak kenderaan sembarangan dilarang

9. (1) Tiada kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali pada tempat yang disediakan oleh Datuk Bandar bagi meletak kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga itu.

(2) Jika sebuah kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana tempat di dalam taman selain tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor dan pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kenderaan bermotor itu tidak diketahui atau tidak dapat dipastikan, tuan punya berdaftar kenderaan bermotor itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai melanggar perenggan (1).

BAHAGIAN III
PENGUATKUASAAN

Berkelakuan tidak sopan

10. Mana-mana orang yang didapati berkelakuan tidak senonoh atau berperangai tidak sopan atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintahkan keluar dari mana-mana taman oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

Larangan masuk pada waktu-waktu tertentu

11. Tiada seorang pun boleh berada di tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruangan (2) Jadual antara jam 1.00 pagi hingga 6.00 pagi kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar.

Penutupan taman

12. Datuk Bandar boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Kuasa menangkap

13. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Kuasa menyita

14. (1) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, maka benda atau barang itu boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minimum tujuh hari bekerja atau maksimum satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa itu tidaklah bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pendakwaan

15. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

16. (1) Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum pendakwaan baginya dimulakan dan di mana amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak berbayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam masa lanjutan seperti yang dinyatakan oleh Majlis boleh membenarkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Di mana suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1)–

- (a) tiada pendakwaan boleh kemudiannya dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian terhadap orang yang tawaran mengkompaun telah dibuat;
- (b) apa-apa buku, rekod, perkakas, pelengkapan, instrumen, material, artikel atau apa-apa benda yang telah disita berhubung dengan kesalahan tersebut, boleh dirampas, dihapuskan atau dikembalikan kepada orang itu, sepertimana yang Majlis menganggap patut selepas membuat pertimbangan mengenai sifat kesalahan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang boleh dinyatakan.

Penalti

17. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan.

BAHAGIAN IV PELBAGAI

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

18. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan.

Pemansuhan

19. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Johor Bahru) 1987 yang telah diwartakan melalui [J.P.U. 4/1991] (selepas ini disebut Undang-Undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

- (2) Walau apa pun perenggan (1)–
- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen, kelulusan, kebenaran atau permit yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini;
- (d) apa-apa pelantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah pelantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL

Bil.	Lokasi	Kegunaan
1.	Lot 11690, Taman Sri Bahagia, Mukim Tebrau	Taman dan rekreasi
2.	Lot 21360 (P.T.B. 20777), Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru Uda, Mukim Bandar	Padang kanak-kanak
3.	Lot 38182, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
4.	Lot 14366, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
5.	P.T.D. 25574 (Lot 37005), Jalan Nibong 33, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
6.	Lot 52347, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
7.	Lot 37294 & Lot 37296, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
8.	Lot 68322, Taman Kota Puteri, Mukim Plentong	Taman kanak-kanak
9.	Lot 45639, Taman Rinting, Mukim Plentong	Taman kanak-kanak
10.	Lot 30440, Kampung Desa Rahmat, Mukim Tebrau	Taman permainan kanak-kanak
11.	Lot 69023, Taman Kota Puteri, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
12.	Lot 21407, Jalan Tasek Utara, Mukim Bandar	Hutan lipur
13.	Lot 21811, Bandar Baru Uda, Mukim Bandar	Taman dan rekreasi
14.	Lot 35716 (P.T.B. 19123), Bandar Baru Uda, Mukim Bandar	Kawasan lapang
15.	Lot 34577, Taman Cempaka, Mukim Tebrau	Rekreasi

Bil.	Lokasi	Kegunaan
16.	Lot 37673, Taman Munsyi Ibrahim, Mukim Tebrau	Rekreasi
17.	Lot 39685, Taman Bukit Mewah, Mukim Tebrau	Rekreasi dan taman permainan kanak-kanak
18.	Lot 15449, Taman Kempas, Mukim Tebrau	Rekreasi dan taman
19.	Lot 37815, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
20.	Lot 67237, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
21.	Lot 55379, Jalan Setia 1, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Rekreasi
22.	Lot 50200, Taman Iskandar, Mukim Plentong	Rekreasi
23.	Lot 21500, Jalan Air Molek, Mukim Bandar	Rekreasi
24.	Lot 63942, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Rekreasi
25.	Lot 44380, Taman Kemas, Mukim Tebrau	Rekreasi
26.	Lot 59279, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Rekreasi
27.	Lot 31516, Taman Kobena, Mukim Tebrau	Rekreasi
28.	Lot 65151 (P.T.D. 101087), Jalan Permas 11/5, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Rekreasi
29.	Lot 103391, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
30.	Lot 44374, Jalan Bukit Kempas 1/12, Taman Bukit Kempas, Mukim Tebrau	Taman permainan
31.	Lot 22524, Kawasan Flat Larkin, Larkin Perdana, Mukim Bandar	Kawasan rekreasi
32.	Lot 22528, Kawasan Flat Larkin, Larkin Perdana, Mukim Bandar	Kawasan rekreasi
33.	Lot 69039, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
34.	Lot 35737 (P.T.D. 25760), Taman Kenanga, Mukim Tebrau	Taman permainan kanak-kanak
35.	Lot 72992, Taman Dr. Sambathan, Mukim Plentong	Rekreasi
36.	Lot 23715, Taman Orkid, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
37.	Lot 35383, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
38.	Lot 3229, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
39.	Lot 32151, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
40.	Lot 31360, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
41.	Lot 51589, Jalan Sagu 36, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
42.	Lot 32589, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
43.	Lot 32566, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
44.	Lot 69382, Taman Kota Puteri, Mukim Plentong	Padang permainan kanak-kanak
45.	Lot 45914, Taman Rinting, Mukim Plentong	Padang permainan kanak-kanak
46.	Lot 26295, Taman Johor Jaya, Mukim Plentong	Padang permainan kanak-kanak
47.	Lot 26296, Taman Johor Jaya, Mukim Tebrau	Padang permainan kanak-kanak
48.	Lot 150203, Taman Kota Putri, Mukim Plentong	Padang permainan kanak-kanak
49.	Lot 70129, Taman Kota Putri, Mukim Plentong	Kawasan lapang
50.	Lot 69931, Taman Kota Putri, Mukim Plentong	Kawasan lapang
51.	Lot 150585, Taman Kota Putri, Mukim Plentong	Kawasan lapang

Bil.	Lokasi	Kegunaan
52.	Lot 34969, Jalan Pinang 25, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
53.	Lot 35249, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
54.	Lot 63722, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
55.	Lot 72063, Taman Damansara Aliff, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
56.	Lot 68103, Jalan Setia 8/12, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
57.	Lot 132187, Taman Sri Putera, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
58.	Lot 71566, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
59.	Lot 69634, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
60.	Lot 71869, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
61.	Lot 71749 (P.T.D. 102562), Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Taman bandar
62.	Lot 63907, Jalan Permas 10, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
63.	Lot 50200, Taman Iskandar, Mukim Plentong	Tapak rekreasi
64.	Lot 56619 (P.T.D. 91718), Taman Desa Harmoni, Mukim Plentong	Tapak permainan
65.	Lot 24172 (P.T.B. 19181), Taman Suria, Mukim Bandar	Kawasan lapang
66.	Lot 29714, Taman Orkid, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
67.	Lot 58189, Taman Molek, Mukim Plentong	Rekreasi aktif
68.	Lot 76447, Taman Molek, Mukim Plentong	Kawasan lapang
69.	Lot 77183, Taman Molek, Mukim Plentong	Taman permainan
70.	Lot 21199, Jalan Padi Ria, Bandar Baru UDA, Mukim Bandar	Kawasan lapang
71.	Lot 54874, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
72.	Lot 58710, Taman Molek, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
73.	Lot 57913, Taman Molek, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
74.	Lot 76938, Taman Molek, Mukim Plentong	Rekreasi aktif
75.	Lot 112369, Taman Molek, Mukim Plentong	Rekreasi aktif
76.	Lot 22551, Kampung Dato' Onn, Mukim Bandar	Rekreasi
77.	Lot 29798, Lot 30913, Lot 30746, Taman Daya Mukim Tebrau	Padang
78.	Lot 121275, Taman Rinting, Mukim Plentong	Padang bola
79.	Lot 46580, Taman Rinting, Mukim Plentong	Taman permainan
80.	Lot 58582, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Taman permainan kanak-kanak
81.	Lot 30094, Lot 29949, Lot 30303, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
82.	Lot 58580, Taman Setia Indah, Mukim Tebrau	Taman permainan kanak-kanak
83.	Lot 45456, Taman Rinting, Mukim Plentong	Padang
84.	Lot 39064, Jalan Enau 20, Taman Daya, Mukim Tebrau	Rekreasi
85.	Lot 15449, Jalan Dataran 2/8, Taman Kempas, Mukim Tebrau	Rekreasi dan taman
86.	Lot 65151, Mukim Plentong	Kawasan lapang

Bil.	Lokasi	Kegunaan
87.	Lot 46703 (P.T.B. 20026), Jalan Harimau Kumbang, Taman Abad, Mukim Bandar	Kawasan lapang
88.	Lot 137111, Taman Kobena, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
89.	Lot 13511, Jalan Dato' Onn, Mukim Bandar	Rekreasi
90.	Lot 18101 & Lot 13512, Jalan Dato' Onn, Mukim Bandar	Rekreasi
91.	Lot 119099 (P.T.D. 122922), Jalan Kempas Indah 1/5, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
92.	Lot 119100 (P.T.D. 122923), Jalan Kempas Indah 1/5, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
93.	Lot 101763 (P.T.D. 120084), Jalan Kempas Indah 7/2, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
94.	Lot 101760 (P.T.D. 120081), Jalan Kempas Indah 6/6, Taman Kempas Indah	Kawasan lapang
95.	Lot 119112 (P.T.D. 122935), Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
96.	Lot 119103 (P.T.D. 122926), Jalan Kempas Indah 1/5, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
97.	Lot 101761 (P.T.D. 120082), Jalan Kempas Indah 8/6, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
98.	Lot 119114 (P.T.D. 122937), Jalan Kempas Indah 3/2, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Taman permainan
99.	Lot 119104 (P.T.D. 122927), Jalan Kempas Indah 1/8, Taman Kempas Indah, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
100.	Lot 102747 (P.T.D. 147339), Jalan Permas 16/4, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Permainan kanak-kanak
101.	Lot 46277, Jalan Padi Mahsuri 1, Bandar Baru UDA, Mukim Bandar	Kawasan lapang
102.	Lot 41424, Jalan Permas 2, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
103.	Lot 46279, Jalan Barli & Jalan Barli 1, Bandar Baru UDA, Mukim Bandar	Kawasan lapang
104.	Lot 72961, Jalan Seri Wangi 1/2, Taman Perindustrian Desa Plentong, Mukim Plentong	Taman rekreasi dan tapak pusat perkhidmatan
105.	P.T.D. 88739, Jalan Palma Raja 22, Taman Desa Palma, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
106.	Lot 46848, Lorong Aman, Kampung Melayu Majidee, Mukim Bandar	Kawasan lapang
107.	Lot 63722, Jalan Pinang 38, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
108.	Lot 137209, Jalan Delima 5/9, Taman Delima, Kangkar Tebrau, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
109.	Lot 103391, Jalan Permas 15/2, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
110.	P.T.D. 148459 (Lot 67186), Jalan Permas 13/4, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang
111.	Lot 54752, Jalan Permas 4, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Kawasan lapang dan padang permainan kanak-kanak
112.	P.T.D. 148895, Jalan Persiaran Bukit Mutiara, Taman Bukit Mutiara, Mukim Tebrau	Padang kejiranan

Bil.	Lokasi	Kegunaan
113.	Lot 101082, Jalan Persiaran Damansara Aliff, Taman Damansara Aliff, Mukim Tebrau	Padang kejiranan
114.	Lot 27392, Jalan Permas 2/1, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
115.	Lot 45914, Jalan Gelam 2, Taman Rinting, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
116.	Lot 66335, Jalan Sutera 8, Taman Sentosa, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
117.	Lot 27832, Jalan Permas 1/32, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
118.	Lot 65151, Jalan Permas 11/6, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Rekreasi
119.	Lot 15786 (P.T.D. 56318), Jalan Dataran 1/9, Taman Kempas, Mukim Tebrau	Taman dan rekreasi
120.	Lot 188402 (P.T.D. 200682), Jalan Kiambang 9, Taman Sri Pandan, Mukim Plentong	Kawasan lapang
121.	Lot 105368, Jalan Nibong 41, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
122.	Lot 35716, Lorong Melor 3, Taman Melor, Mukim Tebrau	Taman permainan kanak-kanak
123.	Lot 69501, Jalan Jelatang 1, Bandar Baru Kota Puteri, Mukim Plentong	Padang permainan
124.	Lot 23714, Jalan Orkid Utama, Taman Orkid, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
125.	Lot 111180, Jalan Harmoni Utama, Taman Desa Harmoni, Mukim Tebrau	Laman tasik pandan
126.	Lot 68322 (P.T.D. 170999), Jalan Kota, Bandar Kota Puteri, Mukim Plentong	Rizab taman
127.	Lot 26297, Jalan Rosmerah 3/22, Taman Johor Jaya, Mukim Plentong	Taman permainan kanak-kanak
128.	Lot 21521, Jalan Syed Hassan, Wadi Hassan, Mukim Bandar	Rekreasi
129.	Lot 35383, Jalan Rumbia 67, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
130.	Lot 32151, Jalan Pinang 7, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
131.	Lot 35249, Jalan Rumbia 64, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
132.	Lot 56688 (P.T.D. 90641), Jalan Harmoni 1, Taman Desa Harmoni, Mukim Tebrau	Padang rekreasi
133.	P.T.D. 137610 (Lot 137173), Jalan Kalong, Taman Kobena, Mukim Tebrau	Kawasan lapang
134.	Lot 35599, Jalan Rumbia 10, Taman Daya, Mukim Tebrau	Kawasan tanah lapang
135.	Lot 66149 (P.T.D. 101086), Jalan Permas 8/14, Bandar Baru Permas Jaya, Mukim Plentong	Padang rekreasi
136.	P.T.B. 18943 & P.T.B. 19217, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru	Taman Awam Hutan Bandar
137.	Lot 20313, Jalan Susur Tun Abdul Razak, Johor Bahru	Taman awam linear
138.	P.T.B. 21832, P.T.B. 20533 (TLK) & P.T.B. 20532 (Laman Promenade), Jalan Tasek Utara/Jalan Kolam Ayer, Johor Bahru	Taman Merdeka

Bil.	Lokasi	Kegunaan
139.	P.T.D. 146348 & P.T.D. 146349, Taman Redang	Taman Tasek Pandan
140.	Mana-mana taman yang diselenggara oleh Majlis dari semasa ke semasa.	

Bertarikh 3 April 2018
 [MBJB/U/2017/28/UUK/1]
 [SUKJ.KT.24/69/5 JLD. 2(8); PPUUNJ.600-1/2/9(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada: 26 Ogos 2020
 [Ringkasan Mesyuarat Bil. 980/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PARKS (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Name and commencement
2. Interpretation
